

18 JUL 2001

Mahathir-Melayu

PROGRAM PEMBANGUNAN LEBIH MUDAH DARIPADA MENGUBAH MELAYU, KATA PM

PUTRAJAYA, 18 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata mengadakan program pembangunan adalah lebih mudah daripada mengubah sikap orang Melayu sepanjang 20 tahun beliau menjadi Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata beliau gagal dalam usahanya mengubah sikap orang Melayu walaupun telah melakukan pelbagai cara.

Usaha program pembangunan fizikal lebih mudah dilakukan sepanjang menjadi Perdana Menteri, katanya pada majlis makan malam Kelab Penyokong Kerajaan di sebuah hotel di sini, malam ini.

Dr Mahathir berkata beliau pernah dikritik oleh orang Melayu kerana dikatakan terlalu materialistik serta mengutamakan dunia dan tidak akhirat.

"Sebenarnya kita tetap orang Melayu tetapi (perlu) tukar budaya kepada yang lebih baik," katanya.

"Maju atau mundur sesuatu bangsa bergantung kepada nilai hidup bangsa itu. Kalau pegang nilai baik, bangsa itu akan menjadi baik.

"Orang Melayu sepatutnya rajin tetapi saya dapati orang Melayu tidak hendak buat (berusaha), bukan tidak boleh buat," katanya.

Dr Mahathir memberi contoh bagaimana tanaman padi yang diusahakan oleh orang Cina menjadi lebih baik kerana menggunakan baja berbanding petani Melayu yang sebaliknya bertindak menjual baja berkenaan.

Katanya pelbagai cara termasuk memberi kursus kepada orang Melayu telah dilakukan untuk meningkatkan diri mereka tetapi masih gagal.

Berbanding dengan pembangunan fizikal, Dr Mahathir berkata ia agak mudah dilakukan termasuk menyediakan peluang perniagaan yang kemudian kerajaan mengutip semula cukai daripada peniaga untuk program pembangunan negara.

Perdana Menteri berkata beliau bernasib baik kerana pernah menjadi seorang doktor dan banyak membuat keputusan untuk menyelesaikan sesuatu masalah.

Katanya walaupun beliau tidak mahir dalam bidang kewangan tetapi beliau dapat menyelesaikan masalah dalam bidang itu dengan berusaha.

Dr Mahathir berkata sepanjang menjadi Perdana Menteri, masa yang paling sukar dihadapinya ialah pada 1997 iaitu ketika negara menghadapi masalah kegawatan ekonomi disebabkan oleh perdagangan mata wang.

Katanya walaupun negara menghadapi kemelesetan ekonomi pada 1985 tetapi ia tidak seteruk pada 1997.

Dr Mahathir juga menceritakan secara terperinci mengenai permasalahan ekonomi pada ketika itu termasuk kegiatan penyangak mata wang George Soros.

Katanya beliau perlu membuat keputusan sama ada mahu menerima atau menolak bantuan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) untuk mengatasi kegawatan ekonomi.

Dr Mahathir berkata ketika itu, beliau berada di Argentina untuk persidangan G15 dan terpaksa memanggil Penasihat Ekonomi Perdana Menteri Tan Sri Nor Mohamad Yakcop, yang ketika itu pedagang mata wang bagi Bank Negara, untuk menjelaskan keadaan dan mencari mekanisme bagi menyelesaikan masalah berkenaan.

Perdana Menteri juga memberitahu mengenai tindakan sebuah negara jiran yang turut membantu mensabotajkan ekonomi negara pada ketika itu.

Mengenai jawatannya itu, Dr Mahathir berkata beliau tidak pernah bermimpi untuk menjadi Perdana Menteri ketika bergiat dalam politik.

"Tetapi untuk menjadi menteri tu adalah sikit-sikit," katanya sambil menasihati para Anggota Parlimen supaya tidak terlalu memasang

angan-angan untuk menjadi Perdana Menteri.

Bagaimanapun, katanya mereka boleh membuat persediaan dengan melengkapkan diri masing-masing dengan pelbagai pengetahuan.

--BERNAMA

RZS AKT NAK